


PENGAJARAN DARIPADA KEPUTUSAN PEPERIKSAAN SPM 2021



Keputusan yang luar biasa dan membanggakan! Banyak pihak menyifatkan pencapaian pelajar dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun 2021 yang diumumkan baru-baru ini sebagai satu pencapaian yang hebat.

Kehebatannya bukan berdasarkan perbandingan dengan keputusan pada tahun peperiksaan sebelumnya, tetapi kehebatan pelajar yang terpaksa menduduki peperiksaan dalam menghadapi pelbagai cabaran pembelajaran sepanjang tempoh negara dilanda pandemik COVID-19.

Berdasarkan keputusan SPM 2021, mendapati bahawa 88.09 peratus calon telah berjaya sekurang-kurangnya layak mendapat sijil SPM. Daripada jumlah tersebut pula, sebanyak 9696 calon SPM atau 2.54 peratus pelajar telah berjaya memperoleh gred A untuk kesemua mata pelajaran. Pencapaian ini merupakan satu keputusan yang menarik untuk dihuraikan dari pelbagai aspek, terutamanya dari sudut positif berdasarkan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang

telah dilalui oleh pelajar yang menduduki SPM pada tahun 2021.

Umum mengetahui, bermula pada penghujung tahun 2019 hingga sekarang dunia telah dikejutkan dengan penularan wabak COVID-19. Tidak terkecuali di Malaysia, wabak ini telah melumpuhkan semua sistem sedia ada termasuklah bidang pendidikan. Sepanjang tahun 2020 dan 2021, negara kita telah melaksanakan beberapa kali Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) secara berperingkat dan bertempoh. Takwim persekolahan juga diubahsuai bagi menangani penularan wabak COVID-19. Tempoh penutupan sekolah yang panjang telah memberikan kesan psikologi kepada pelajar, terutamanya kepada calon peperiksaan SPM 2021.

Susulan daripada pelaksanaan PKP, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

telah memperkenalkan kaedah pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) bagi murid sekolah rendah dan pelajar tingkatan 1 hingga 5. Kaedah PdPR ini telah mendapat pelbagai reaksi daripada semua pihak terbabit, terutamanya ibu bapa, guru dan pelajar sendiri. Terdapat banyak kekangan pada peringkat awal pelaksanaan PdPR ini, lebih-lebih lagi kebanyakan pelajar masih belum bersedia secara fizikal, material dan emosi untuk mengikuti kebiasaan baharu dalam proses pembelajaran mereka.

Polemik antara ibu bapa, guru dengan masyarakat tentang baik atau sebaliknya kaedah PdPR ini telah membuka mata banyak pihak untuk meneliti keberkesannya. Tidak dinafikan, masih terdapat sesetengah anggota masyarakat secara sinis memberikan reaksi yang negatif terhadap kaedah PdPR. Walau bagaimanapun, sama ada suka atau tidak, semasa tempoh pandemik, inilah satu-satunya kaedah yang telah dijalankan bagi "menghidupkan" suasana PdP dalam kalangan pelajar.

Antara kekangan utama pelaksanaan PdPR ialah peralatan yang terhad. PdP secara jarak jauh yang menggunakan teknologi komunikasi berasaskan Internet pastinya memerlukan peralatan ataupun peranti yang boleh menghubungkan antara guru dengan pelajar. Sedangkan alat kelengkapan teknologi ini masih merupakan "barang mewah" bagi kebanyakan ibu bapa, terutamanya dalam golongan B40. Oleh itu, keperluan untuk menyediakan kelengkapan pembelajaran anak-anak dilihat sebagai satu beban ekonomi bagi keluarga tersebut. Kesannya, mereka lebih sanggup menggunakan pendapatan sedia ada untuk membeli makanan ataupun keperluan keluarga yang lain, yang lebih perlu pada waktu pandemik.

Situasi seperti ini sedikit sebanyak mengganggu tumpuan calon SPM 2021 untuk membuat persediaan. Apatah lagi kumpulan pelajar yang menduduki SPM pada tahun 2021 ini merupakan kohort pertama yang mengikuti Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) bermula pada tahun 2011 yang pada waktu tersebut mereka berada pada tingkatan 1. Perubahan kurikulum ini bermakna pelajar tidak boleh 100 peratus berharap kepada cara pembelajaran senior mereka untuk persediaan peperiksaan. Sukatan pelajaran serta penilaian yang berbeza telah memberikan cabaran baru kepada calon SPM bagi kohort ini.

Berdasarkan laporan pembentangan keputusan peperiksaan SPM 2021 oleh Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia, Datuk Nor Zamani Abdol Hamid, menjelaskan bahawa peperiksaan SPM 2021 telah menawarkan sebanyak 95 mata pelajaran dengan jumlah kertas peperiksaan sebanyak 180. Jumlah mata pelajaran ini meningkat berbanding dengan mata pelajaran bagi SPM sebelum itu yang hanya berjumlah 83 mata pelajaran. Pertambahan ini juga jika dianalisis dari aspek keputusan SPM baru-baru ini menunjukkan maklum balas keputusan yang membanggakan. Walaupun mata pelajaran tersebut hanya ditawarkan bermula pada peperiksaan SPM 2021, namun keputusannya tidak mengecewakan terutamanya bagi mata pelajaran kemahiran seperti Tarian, Seni Halus 2D dan Apresiasi Tari.

Pakar pendidikan dari Universiti Kebangsaan Malaysia, Dr. Anuar Ahmad Pensyarah Kanan, Pusat Kajian Kepelbagaian Pendidikan, Fakulti Pendidikan, yang dipetik daripada sebuah akhbar harian baru-baru ini, berpendapat bahawa keputusan peperiksaan SPM 2021



SPM 2021 mencatatkan keputusan yang membanggakan, terutamanya bagi mata pelajaran kemahiran - Datuk Nor Zamani Abdol Hamid, Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia.

ini telah mendedahkan bahawa terdapat calon peperiksaan SPM yang tidak menduduki peperiksaan. Menurut beliau, kumpulan pelajar yang tercicir ini perlu diberi peluang kedua untuk menduduki peperiksaan sekali lagi ataupun diberi pendedahan berkaitan dengan pendidikan kemahiran. Hal ini dilaporkan, sejumlah 24 941 calon tidak menduduki SPM daripada 407 097 calon berdaftar di 3382 pusat peperiksaan. Jumlah tersebut merupakan angka yang besar bagi satu peperiksaan utama di negara ini. Penelitian dan analisis yang bersepadu perlu dilakukan secara terperinci bagi mencari jawapan yang relevan tentang situasi tersebut.

Walau bagaimanapun, secara umumnya, ramai berpendapat alasan yang mungkin tepat adalah dikaitkan pandemik COVID-19. Situasi tersebut telah mendorong ramai calon memberi tumpuan kepada usaha untuk meneruskan "hidup", terutamanya berkaitan dengan keperluan membantu keluarga dari segi ekonomi. Oleh itu, cadangan Dr. Anuar Ahmad agar kumpulan pelajar ini seharusnya diberi peluang kedua untuk mendapat pendedahan mengenai kemahiran.

Sebenarnya banyak pengajaran dan iktibar yang boleh dibincangkan daripada keputusan SPM 2021 ini. Antaranya

termasuklah, keputusan ini menjelaskan bahawa ruang PdP yang kondusif adalah sangat penting sebagai persediaan calon untuk menghadapi satu peperiksaan besar seperti SPM. Keselesaan tersebut bukan sahaja merujuk situasi di dalam bilik darjah bersama-sama guru, malah melangkau ke luar bilik darjah yang melibatkan rakan sebaya, ibu bapa, masyarakat dan keadaan sosiobudaya masyarakat yang membentuk rutin harian serta keterujaan pelajar untuk terus belajar. Motivasi, emosi, pendorong belajar juga merupakan isu penting yang perlu dipandang serius oleh semua pihak. Persediaan seseorang calon peperiksaan bukan sahaja melibatkan sesi pembelajaran yang berterusan, tetapi perlu diterapkan juga dengan dorongan yang kuat daripada semua pihak yang berkaitan.

Aspek positif yang boleh diambil pengajaran daripada keputusan peperiksaan SPM 2021 ini melibatkan pemerhatian dari skop yang lebih besar. Penilaian bukan hanya sekadar melihat angka statistik yang digambarkan dengan grafik menarik, tetapi dapat dikaitkan dengan realiti pelajar yang menduduki peperiksaan tersebut seperti keadaan personaliti calon, keluarganya, masyarakat umum yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dengan kehidupan calon tersebut.

Sebagai kesimpulannya, keputusan peperiksaan SPM 2021 ini telah mencabar kebanyakan pihak untuk melihat peperiksaan sebagai satu situasi penilaian pemahaman, ingatan dan kecenderungan pelajar untuk mengemukakan jawapan dengan persediaan yang tidak teratur seperti sebelumnya. Mungkin pihak berkaitan boleh memikirkan bentuk penilaian alternatif yang setara SPM untuk menguji tahap pendidikan pelajar, terutamanya dalam keadaan persekitaran calon yang tidak memberi keselesaan kepada calon tersebut. Walau apa-apapun, tahniah kepada semua calon SPM 2021, keputusan yang anda peroleh merupakan permulaan yang baik untuk memulakan pendidikan yang lebih mencabar, sama ada secara formal atau sebaliknya pada masa akan datang. □

Penulis, Pensyarah Kanan, Kolej Ekonomi Tenaga dan Sains Sosial, Universiti Tenaga Nasional, Kampus Putrajaya.



Bimbingan motivasi dan ruang yang kondusif membantu konsentrasi pelajar semasa mengulang kaji pelajaran.